

MSM KEMBALI PADA DETIK KEMANISAN

- Keuntungan melonjak 145.7% untuk pengeluar terkemuka bagi SK1

KUALA LUMPUR, MEI 23, 2018 – MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM), pengeluar gula terkemuka negara dan anak syarikat Felda Global Ventures Holdings Berhad (FGV), beralih kepada keuntungan pada suku pertama berakhir 31 Mac 2018 (S1TK18), setelah menyampaikan keuntungan bersih sebanyak RM15.81 juta berbanding kerugian bersih sebanyak RM34.62 juta yang dicatatkan pada suku yang sama tahun lepas.

Pendapatan sesaham bagi suku tahun yang ditinjau adalah RM2.25 berbanding RM4.93 kerugian sesaham pada S1TK17. Prestasi yang bertambah baik pada suku semasa dibantu oleh kos bahan mentah yang lebih rendah dan kadar pertukaran mata wang asing yang menggalakkan. Selain itu, pengurangan perbelanjaan pentadbiran turut merangsang prestasi MSM, penurunan sebanyak 33.0% dari suku ke suku atau RM9.1 juta daripada RM23.8 juta.

Hasil berkurang 15.4% berbanding dengan suku yang sama pada tahun lepas sebanyak RM648.97 juta, ini terjejas akibat penurunan dalam harga jualan purata dan pengurangan 7.0% dalam keseluruhan jualan yang dijual – terutamanya pengurangan bagi jualan eksport.

"Walaupun keadaan tidak begitu baik pada tahun 2017, prestasi suku tahun pertama ini menunjukkan tanda-tanda yang menggalakkan ke arah kunci kira - kira yang sihat. Ia merupakan proses pemulihan berterusan dan pada catatan positif ini, arah MSM teguh bagi mengukuhkan peranan kepimpinan dalam perniagaan ini," kata Pengarah Eksekutif MSM, Dato' Khairil Anuar Aziz.

MSM terus mengukuhkan fokus operasi dengan merendahkan kos gula mentah sebanyak 23.1% berbanding S1TK17. Walau bagaimanapun, ini terhalang oleh kenaikan kos penapisan purata disebabkan kos bahan bakar yang lebih tinggi terhasil daripada kenaikan tarif gas pada bulan Januari sebanyak 16.0%.

Mata wang Ringgit Malaysia terus mengukuh, dengan perbandingan suku tahunan antara 2017 dan 2018 pada kadar purata pasaran kira-kira 12.70%. Bagaimanapun, kadar mata wang purata MSM adalah lebih tinggi daripada pasaran sekitar 1.91%.



Sepanjang tahun lalu, MSM bertekad dalam inisiatif pengurusan kos yang berhemat untuk mengurangkan tekanan pada marginnya. Keuntungan Sebelum Cukai (PBT) bagi suku tahun semasa sebanyak RM20.94 juta dianggap sebagai suatu pencapaian yang baik kerana ia menunjukkan pemulihan yang mantap dan mengatasi prestasi tahun lepas bagi suku yang sama.

"Inisiatif pengurusan kos kini diterapkan di seluruh Kumpulan untuk menstabilkan kunci kira-kira. Idealnya, kami merancang untuk mengekalkan disiplin dalam kos dan kecekapan operasi sambil memberi tumpuan terhadap pelaburan aset yang menjana keuntungan dan mampu memaksimumkan aliran tunai," tambah Dato' Khairil.

Kilang penapisan Johor yang dijadualkan beroperasi pada separuh tahun pertama 2018 akan terus menjadi perbelanjaan yang berhemat mengikut bajet dan selaras dengan garis masa yang ditetapkan. Pertumbuhan kapasiti difokuskan untuk menghasilkan margin dan pendapatan yang lebih baik melalui peningkatan jualan eksport, terutamanya di pasaran Asia Tenggara (SEA) dan Timur Tengah dan Afrika Utara (MENA).

Perkongsian maklumat dari industri, hasil tuaian gula meningkat dengan mendadak terutamanya dibantu oleh hujan monsun Asia lantas membawa kepada lebih gula secara global. Di samping itu, bekalan global dianggar akan mengatasi permintaan sebanyak 10.4 juta tan metrik pada musim ini, 26.0% lebih untuk menghapuskan kekurangan / defisit sejak dua musim lalu

Bergerak secara positif pada 2018, MSM bergiat untuk meningkatkan kecekapan pengurusan inventori, pembekalan dan pengedaran serta mengoptimumkan pengurusan perbelanjaan untuk terus berdaya tahan bagi suku selebihnya dalam perniagaan masa hadapan. Kini, MSM terus memantau aliran tunai dan keperluan modal kerja untuk membolehkan penglihatan bagi penanda kerugian dan tindakan proaktif boleh dilaksanakan untuk mengekalkan kewangan yang sihat.

-TAMAT-



Maklumat MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM)

MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM) adalah pengeluar gula bertapis terkemuka di Malaysia yang terlibat dalam pengeluaran, pemasaran dan penjualan produk gula bertapis di bawah jenama. Syarikat ini menjalankan perniagaan terutamanya melalui dua anak syarikatnya, MSM Prai Berhad dan MSM Perlis Sdn Bhd yang telah ditubuhkan pada tahun 1959 dan 1971. Di samping itu, MSM juga mengendalikan syarikat logistik - MSM Logistics Sdn Bhd dan sebuah syarikat dagangan - MSM Trading International DMCC, yang berpangkalan di Dubai, Emiriah Arab Bersatu.

Pada masa ini, kapasiti pengeluaran tahunan MSM mencecah 1.25 juta tan gula bertapis. Pada tahun 2017, MSM mengeluarkan sebanyak 1,024,931 tan gula bertapis, di mana 139,540 tan adalah untuk pasaran eksport. Ketika ini, MSM menguasai 58% majoriti syer pasaran domestik.

Ditubuhkan pada 10 Mac 2011, MSM disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad pada 28 Jun 2011 dengan modal pasaran sebanyak RM2.88 bilion (setakat Disember 2017).

MSM juga menawarkan pelbagai rangkaian produk daripada gula bertapis putih pelbagai saiz sehinggalah ke gula perang halus. Kesemua produk ini telah dipasarkan dan dijual di dalam pelbagai bentuk pilihan pembungkusan di bawah jenama "Gula Prai". MSM juga turut menjual 'molasses' sejenis produk sampingan yang dihasilkan menerusi proses penapisan gula hingga ke produk penyulingan dan penghasilan etanol, makanan haiwan dan yis di kalangan lain-lain produknya. MSM menjual ke seluruh rangkaian pengguna di Malaysia dan juga negara-negara lain secara langsung dan tidak langsung menerusi pedagang, pemborong dan pengedarnya. Para pelanggan termasuklah syarikat-syarikat besar yang terlibat di dalam industri makanan dan minuman, farmaseutikal, perhotelan, restoran, rangkaian kedai-kedai makanan serta pengguna isirumah.

Untuk maklumat lanjut, sila layari www.msmsugar.com

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

Siti Noorbaya Mohd Yunus

+603 2181 5018 ext. 158

+6016 677 6118

noorbaya.my@msmsugar.com

Muhammad Aniz Mohd Azmi

+603 2181 5018 ext. 211

+6012 289 3294

aniz.ma@msmsugar.com